

#PenjaraKanfizikal - Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan

tempoh tamat
64 Hari
11 Jam
32 Minit

ikuti Berita terkini Covid-19

BERITA**SUKAN****DUNIA****HIBURAN****BISNES****RENCANA****WANITA****HUJUNG****BH****COVID-****PRN****SABAH****MINGGU****KAPSUL****19****SABAH**

Cari kata kunci



COVID-19: MySejahtera akan dinaik taraf

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Luqman Arif Abdul Karim - Januari 25, 2021 @ 7:08pm
bhnews@bh.com.my



Aplikasi MySejahtera akan dinaik taraf dengan perincian baharu. - NSTP/ASYRAF HAMZAH

PUTRAJAYA: Aplikasi MySejahtera akan dinaik taraf dengan menampilkan beberapa perincian baharu untuk membantu mengekang penularan COVID-19.

Ketua Pengarah Kanan Sektor Pengurusan Bencana, Wabak, Krisis dan Kecemasan Kementerian Kesihatan, Dr A Maheshwaran Roa, berkata aplikasi MySejahtera yang dimuat turun oleh 27,313,193 pengguna termasuk tanggungan ketika ini ialah versi 1.25.

Susulan perkembangan semasa dan program imunisasi yang bakal dijalankan, beliau berkata aplikasi berkenaan bakal diberi 'nafas baharu' menerusi versi 1.26.

"Kita akan buat kemas kini dan ia akan dipaparkan menerusi versi baharu, iaitu 1.26 selari langkah memantapkan aplikasi MySejahtera," katanya pada sesi taklimat bersama media secara dalam talian, hari ini.

Dr Mahesh berkata, MySejahtera Vaccination akan dilancarkan akhir bulan ini bagi memastikan proses pelalian kalangan penerima berupaya dikendalikan secara lancar.

Katanya, rangkaian proses seperti pendaftaran, jadual suntikan vaksin dan pemantauan akan dilaksanakan menerusi aplikasi berkenaan.



- TERKINI**
- 32m PM Itali letak jawatan, tubuh kerajaan baharu
 - 36m PdPR: Beri peluang kepada guru dan tingkatkan latihan perguruan
 - 44m Florida tawar diri anjur Olimpik
 - 47m Vaksin COVID-19 berkesan tangani varian UK, Afrika Selatan - Moderna
 - 48m Kekecwaan
 - 49m COVID-19: Penggunaan katil pesakit di Hospital Lahad Datu capai 91.4 peratus
 - 59m Perbezaan vaksin negara kaya dan miskin semakin teruk - WHO
 - 1h Usah politikkan Proklamasi Darurat - Ismail Sabri
- PILIHAN PEMBACA**



"Kita sarankan siapa yang belum muat turun aplikasi MySejahtera untuk berbuat demikian supaya apabila tiba pelaksanaan program pemvaksinan, ia dapat dijalankan dengan lancar.


"Selain itu, kita dapat kendalikan proses pengesanan kontak dan penilaian kendiri dalam kalangan pesakit COVID-19, sekali gus memastikan tahap kesihatan mereka sentiasa terjamin.

"Bagi mereka yang positif, setiap maklum balas daripada laporan kendiri ini akan dikemukakan kepada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) dan Pusat Penilaian COVID-19 (CAC) bagi pemantauan harian.

"Setiap hari pada jam 9 pagi, mereka perlu menjawab soalan penting," katanya.

Fakta nombor MySejahtera:

- 1,514,453 premis perniagaan berdaftar
- 15 juta rekod daftar masuk secara purata
- 21 hingga 22 juta rekod daftar masuk jika bukan PKP



TRENDING



EROPAH 2 jam yang lepas
Rusuhan malam kedua di Belanda berhubung perintah berkurni



NASIONAL
10 jam yang lepas
4 sekawan dihukum buat kerja sosial dua bulan



NASIONAL
Jan 25, 2021 @ 9:11 pm
PKP hingga 4 Februari, tidak akan disambung



NASIONAL
Jan 25, 2021 @ 7:32pm
[REDACTED]